

Soalan-Soalan Lazim – Pengeluaran Tunai MyDebit

1. Apakah Pengeluaran Tunai MyDebit?

Pengeluaran Tunai MyDebit ialah ciri kad debit, yang membolehkan anda mengeluarkan wang tunai daripada akaun bank anda di mana-mana rakan niaga/peruncit MyDebit terpilih yang memaparkan logo Pengeluaran Tunai MyDebit selepas membuat pembayaran untuk pembelian runcit anda dengan Kad Debit CIMB.

Pengeluaran Tunai MyDebit menawarkan pelanggan cara yang lebih mudah untuk mengeluarkan wang tunai, tanpa perlu pergi ke ATM.

*Pengeluaran Tunai = Pengeluaran wang tunai di mana-mana rakan niaga/peruncit MyDebit yang terpilih

2. Di mana dan bagaimana saya boleh melakukan Pengeluaran Tunai MyDebit?

Anda boleh mengeluarkan wang tunai secara domestik di terminal tempat jualan (terminal POS) rakan niaga yang mengambil bahagian dan memaparkan logo Pengeluaran Tunai MyDebit.

Berikut adalah cara ia berfungsi:

- Cari logo Pengeluaran Tunai MyDebit di premis rakan niaga/peruncit yang mengambil bahagian.



- Buat pembelian runcit dengan Kad Debit CIMB anda.
- Minta jumlah tunai yang dikehendaki bagi Pengeluaran Tunai MyDebit (maksimum RM500 setiap transaksi).
- Rakan niaga/peruncit akan menggunakan terminal POS untuk memproses transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit.
- Masukkan Kad Debit CIMB anda dan masukkan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) anda di terminal POS.
- Rakan niaga/peruncit akan meneruskan proses transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit.
- Anda akan menerima wang tunai dan slip/resit bank apabila transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit berjaya daripada juruwang.

3. Bolehkah saya melakukan transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit tanpa transaksi pembelian runcit?

TIDAK, Pengeluaran Tunai MyDebit hanya boleh dilakukan dengan transaksi pembelian runcit.

4. Jika jumlah pembelian saya ialah RM200, adakah saya masih boleh mengeluarkan maksimum RM500?

YA, jumlah pembelian tidak akan dikira dalam had pengeluaran sebanyak RM500.

5. **Apakah jumlah pembelian runcit minimum yang diperlukan untuk melakukan transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit?**
TIADA jumlah pembelian runcit minimum diperlukan.
6. **Siapakah rakan niaga/peruncit MyDebit yang mengambil bahagian dalam menawarkan kemudahan Pengeluaran Tunai MyDebit?**
Rakan niaga/peruncit MyDebit yang memaparkan logo Pengeluaran Tunai MyDebit di terminal POS menawarkan kemudahan ini.
7. **Adakah saya perlu membayar sebarang yuran/caj apabila saya menggunakan Kad Debit CIMB saya untuk Pengeluaran Tunai MyDebit?**
YA, yuran Pengeluaran Tunai MyDebit sebanyak RM0.50 akan dikenakan bagi setiap transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit. Yuran Pengeluaran Tunai MyDebit hendaklah dibayar oleh Pemegang Kad dan akan ditolak apabila transaksi dijalankan.
8. **Adakah yuran Pengeluaran Tunai MyDebit dikenakan untuk pengeluaran di ATM?**
TIDAK. Yuran Pengeluaran Tunai MyDebit adalah berbeza daripada pengeluaran tunai daripada ATM. Yuran-yuran pengeluaran tunai seperti jadual di bawah:

Pengeluaran Wang	Caj
Pengeluaran wang ATM tempatan	
Rangkaian ATM CIMB di Malaysia	NIL
Rangkaian ATM MEPS di Malaysia	RM1.00/ transaksi
<i>MEPS Local Incorporated Foreign Bank (LIFB)</i>	RM1.00/ transaksi
Yuran Pengeluaran Tunai MyDebit	RM0.50 setiap transaksi (maksimum RM500 setiap transaksi)

9. **Bolehkah saya melakukan transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit di luar negara?**
TIDAK, Pengeluaran Tunai MyDebit hanya boleh dilakukan di Malaysia di premis rakan niaga/peruncit terpilih MyDebit yang memaparkan logo Pengeluaran Tunai MyDebit.
10. **Adakah transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit terpakai dengan transaksi pembelian secara sentuh atau tanpa sentuh?**
Transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit hanya terpakai dengan transaksi pembelian secara sentuh sahaja dan PIN perlu dimasukkan.
11. **Adakah PIN perlu dimasukkan untuk transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit?**
YA, PIN perlu dimasukkan untuk semua transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit.
12. **Apakah had maksimum Pengeluaran Tunai MyDebit?**
Had maksimum Pengeluaran Tunai MyDebit ialah RM500 untuk setiap transaksi.
13. **Apakah had minimum Pengeluaran Tunai MyDebit?**
Tiada had minimum untuk Pengeluaran Tunai MyDebit.
14. **Apakah had harian bagi Pengeluaran Tunai MyDebit?**

Had harian bagi Pengeluaran Tunai MyDebit berdasarkan had pengeluaran ATM pelanggan. Anda boleh mengubah had ini melalui CIMB Octo App, CIMB Clicks (versi web), atau mana-mana ATM CIMB.

15. Mengapakah kadang-kadang transaksi runcit/Pengeluaran Tunai MyDebit saya ditolak?

Antara sebab-sebab yang lazim termasuk:

- Baki yang tidak mencukupi di dalam akaun semasa, akaun simpanan atau akaun pelaburan (tidak termasuk Akaun Pelaburan Berjangka-i) anda;
- Pegangan jumlah pra-kebenaran; atau
- Jumlah transaksi melebihi had pembelian harian.

TAMAT